

## **DATA SOAL SELIDIK PELAJAR SAINS MATEMATIK YANG MENJALANI LATIHAN INDUSTRI**

### **Deskripsi Data**

Latihan Industri (LI) merupakan program penempatan pelajar dalam suatu organisasi di luar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Matlamatnya adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang persekitaran kerja yang sebenar, juga untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam profesion mereka. Program ini dijangka dapat melahirkan pelajar dengan kompetensi yang diperlukan oleh majikan. Kajian ini dijalankan untuk menentukan keberkesanan LI dengan memberikan pengalaman kerja kepada pelajar-pelajar Sains Matematik. Di samping itu, maklum balas daripada industri mengenai kemahiran dan kebolehan pelajar Sains Matematik dalam menjalankan tugas mereka turut diperolehi. Maklumat daripada pelajar dan majikan dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan kepada semua pelajar Sains Matematik yang menjalani LI dan majikan mereka semasa lawatan penilaian LI.

### **Latar Belakang Responden**

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan, 149 responden terdiri daripada kalangan pelajar di mana 45.6% daripada program Statistik, 44.3% daripada program Matematik dan 10.1% daripada program Sains Aktuari. Responden lelaki meliputi 24.2% manakala 71.1% merupakan responden perempuan. Sektor organisasi yang menyediakan tempat kerja kepada pelajar terdiri daripada sektor kewangan, iaitu sebanyak 26.8%, diikuti oleh 18.8% daripada sektor perkhidmatan dan 11.4% daripada lain-lain sektor seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1. Manakala terdapat 136 responden dalam kalangan majikan, di mana 56.6% adalah daripada sektor swasta diikuti oleh 21.3% daripada sektor kerajaan dan 19.9% telah dari agensi-agensi kerajaan, hanya 2.2% adalah daripada lain-lain sektor.

**Jadual 1. Latar belakang responden**

Latar Belakang Pelajar		Bil.	%	Latar Belakang Majikan		Bil.	%
Jantina:	Lelaki	36	24.2	Jenis organisasi	Kerajaan	29	21.3
	Perempuan	106	71.1		Swasta	77	56.6
Program:	Sains aktuari	15	10.1		Agensi kerajaan	27	19.9
	Matematik	66	44.3		Lain-lain	3	2.2
	Statistik	68	45.6	Sektor organisasi:	Kewangan	37	27.2
Sektor organisasi :	Kewangan	40	26.8		Pembuatan	13	9.6
	Pembuatan	8	5.4		Perkhidmatan	24	17.6
	Perkhidmatan	28	18.8		Industri	4	2.9
	Industri	10	6.7		Pembangunan hartanah dan pembinaan	2	1.5
	Pembangunan hartanah dan pembinaan	5	3.4		Pendidikan	14	10.3
	Pendidikan	14	9.4		Perundingan	5	3.7
	Perundingan	12	8.1		Pengangkutan	1	0.7
	Pengangkutan	2	1.3		Pertanian dan makanan	1	0.7
	Pertanian dan makanan	2	1.3		Pertahanan dan keselamatan	1	0.7
	Komunikasi dan IT	9	6.0	Komunikasi dan IT	8	5.9	
Lain-lain	17	11.4	Lain-lain	25	18.4		

**Cara baca data menggunakan Perisian R:**

```
library(foreign)
```

```
data <- read.spss("link file", to.data.frame=TRUE)
```

```
View(data)
```

```
data1 <- read.spss("link file", to.data.frame=TRUE)
```

```
View(data1)
```